

23 OCT 1998

MAHATHIR: CUTI HARI SABTU SETIAP BULAN MULAI JANUARI DEPAN

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Cuti satu hari Sabtu dalam setiap bulan bagi sektor awam akan bermula Januari depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata cuti berkenaan boleh digunakan untuk kakitangan awam berehat atau melancong dalam negara.

"Waktu bekerja adalah sama untuk bulan berkenaan kerana mereka perlu bekerja mungkin setengah jam lebih pada hari-hari tertentu bagi menggantikan cuti hari Sabtu berkenaan," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata demikian ketika ditemui di ruang legar Parlimen selepas membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat.

Semasa membentangkan Belanjawan itu, beliau mencadangkan supaya satu hari Sabtu dalam setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam dan sektor swasta juga dialu-alukan untuk mengambil tindakan serupa.

Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengeluarkan pekeliling yang melaksanakan cadangan itu yang akan membangunkan sektor pelancongan dalam negeri.

-- BERNAMA

NHD AKD